

Banjir kilat perangkap warga Kuala Lumpur

Hujan lebat sebabkan kesesakan lalu lintas

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Sembilan bayi bersama 14 kanak-kanak Taska Pusat Latihan Telekom Malaysia (TM) Jalan Semarak di sini, terpaksa diselamatkan anggota bomba dan penyelamat selepas terperangkap lebih setengah jam apabila pusat asuhan berkenaan ditenggelami banjir akibat hujan lebat, petang semalam.

Pelajar Kolej Multimedia yang menghadiri kuliah di bangunan dalam perkarangan pusat latihan berkenaan yang ditenggelami banjir sedalam kira-kira satu setengah meter berikutan limpahan Sungai Bonus akibat hujan lebat lebih sejam.

Kesemua mereka diselamatkan menggunakan sebuah bot selepas laluan keluar dari kedua-dua bangunan berkenaan yang terletak di bahagian belakang pusat latihan itu ditenggelami banjir.

Guru Taska Pusat Latihan TM, Rodiah Yahya, berkata air sungai naik dengan cepat mulai jam 4.30 petang menyebabkan beliau bersama dua lagi guru bergegas memindahkan bayi dan kanak-kanak ke tingkat dua bangunan terbabit.

Beliau berkata, mereka terpaksa menunggu kira-kira setengah jam sebelum diselamatkan orang ramai serta anggota bomba menggunakan bot sebelum dipindahkan ke surau.

"Air naik terlalu cepat, ramai kanak-kanak yang menangis ketakutan sebelum diselamatkan. Ibu bapa yang kebanyakannya kakitangan TM datang mengambil anak mereka tidak lama kemudian," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Kesemua yang diselamatkan adalah sembilan bayi berusia setahun ke bawah termasuk seorang bayi berusia tiga bulan selain 14 kanak-kanak berusia sembilan tahun ke bawah.

Selain itu, operasi oleh anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Jelatek serta Jinjang turut membawa keluar 20 pelajar Kolej Multimedia menggunakan bot dengan usaha menyelamatkan berakhir kira-kira jam 7.15 malam.

Sementara itu, hujan lebat turut mengakibatkan Jalan Tun Razak menghala Jalan Ampang berhampiran Perpustakaan Negara digenangi banjir sedalam 0.5 meter menyebabkan kesesakan teruk, namun laluan berkenaan kembali pulih

kira-kira sejam.

Turut terjejas ialah beberapa laluan serta rumah sekitar Kampung Baru yang ditenggelami banjir, selain kesesakan teruk di Lebuhraya Lingkaran Tengah Dua (MRR2) menghala Cheras berhampiran susur masuk ke Pandan Indah yang ditenggelami banjir sedalam 0.5 meter.

Di Danau Kota, Setapak, sebuah kereta rosak akibat dihempap pokok.



SEKUMPULAN Pelajar Kolej Multimedia TM menaiki sampan untuk dipindahkan ke kawasan berhampiran yang lebih selamat oleh anggota Bomba dan Penyelamat serta Pertahanan Awam, di Jalan Semarak, petang semalam.

Canon
Delighting You Always

DAPATKAN PERANTI PELBAGAI FUNGSI
NO.1* MALAYSIA DAN JIMAT SEHINGGA RM500 UNTUK PETROL!

PERCUMA Kad Petrol RM500**

dengan pembelian
imageRUNNER
ADVANCE
C2020/ C2020H/
C2030H

Spesifikasi:
- 20 ke 30ppm
- Peranti Pelbagai Fungsi
A3 Warna

PERCUMA Kad Petrol RM400**

dengan pembelian
imageRUNNER
2520/ 2525/
2530/ 2535/ 2545

Spesifikasi:
- 20 ke 45ppm
- Peranti Pelbagai Fungsi
A3 Hitam/ Putih

PERCUMA Kad Petrol RM300**

dengan pembelian
imageRUNNER
2318L

Spesifikasi:
- 18ppm
- Peranti Pelbagai Fungsi
A3 Hitam/ Putih

Inilah dia strategi serampang tiga mata untuk menikmati faedah berganda. Pertama, anda mendapat fungsi mesin faks, pengimbas, penyalin dan pencetak yang boleh dipercayai di dalam satu pakej peranti yang berkuasa. Kedua, anda mampu meningkatkan produktiviti bisnes anda dengan peranti rekod jualan terbaik Malaysia. Ketiga, anda dapat menikmati nilai terhebat yang tiada bandingannya. Selain itu, anda juga dapat menambah kemampuan peranti anda pada masa akan datang dengan pilihan seperti kapasiti kertas serta modul sekuriti dan kemas yang lebih baik.

Hubungi rakan niaga Canon untuk maklumat lanjut hari ini.

* Sumber: IDC 2010 (Bahagian pasaran pencetak)

** Sah untuk peralatan yang dibeli/disewa daripada 15 Mac - 15 Dis 2011.

Tertakluk kepada terma & syarat. Selagi stok masih ada.

***Produk yang dipamerkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Aksesori pilihan/ tambahan terdapat untuk model-model yang lain.

• KUALA LUMPUR • BEYEN SALES & SERVICES (M) SDN BHD 03-92847076 • HYTECH OFFICE AUTOMATION (M) SDN BHD 03-90576200 • UNIQUE EXTREME SOLUTIONS SDN BHD 03-62598859 • SELANGOR • AUTOMATE SYSTEM SALES & SERVICES SDN BHD 03-80655160 • CITI BUSINESS MACHINE SDN BHD 03-89621010 • COMBIZ (M) SDN BHD 03-74923333 • COMPUGATES SDN BHD 03-78808133 • HUNDRED PERCENT ENTERPRISE 03-80610674 • JARDINE ONE SOLUTION (2001) SDN BHD 03-78833688 • KOA OFFICE SOLUTIONS SDN BHD 03-61403800 • RECARTS TRADING SDN BHD 03-78036057 • RS MAJUJAYA SALES & SERVICES SDN BHD 03-78473148 • SIMPLEX MARKETING (M) SDN BHD 03-87330722 • TECHTRA OFFICE SOLUTIONS (M) SDN BHD 03-80607999 • NEGERI SEMBILAN (SEREMBAN) • SIMPLEX MARKETING (M) SDN BHD 06-7637696 • P. PINANG • DSOP OFFICE SYSTEM & SUPPLIES SDN BHD 04-2618822 • DYNAMIC OFFICE SDN BHD 04-2266325 • YEOH'S GENERAL OFFICE EQUIPMENT 04-2616351 • KEDAH (ALOR SETAR) • KOA OFFICE EQUIPMENT (A/S) SDN BHD 04-7728228 • PERLIS (KANGAR) • KOA OFFICE AUTOMATION & PHOTOGRAPHIC SDN BHD 04-9768228 • PERAK (IPOH) • CE PRIMA SDN BHD 05-5275412 • C.S. WONG TRADING 05-3282331 • COMPUTERXPRESS SDN BHD 05-2492299 • FULL RACK OFFICE SYSTEM (M) SDN BHD 05-3215586 (SITAWAN) • CS OA ENTERPRISE 05-6929537 • SYARIKAT PERNIAGAAN PERTAMA 05-2535166 • PDS SALES & SERVICES SDN BHD 05-3130476 • SUCCESSIVE ENTERPRISE SDN BHD 07-3513967 (JOHOR BAHRU) • A.T. PLAN COPY CENTRE & STATIONERY SUPPLIES 06-2865722 • KHIDMAT MEKAR ENTERPRISE 06-2882802 • L.M. TRADING 06-2835149 • JOHOR • IDEAL MELATI SDN BHD 07-3513967 (JOHOR BAHRU) • D.T. TECH OFFICE AUTOMATION 07-9311832 (KOTA TINGGI) • H. TWO OFFICE AUTOMATION 07-8824064 (BATU PAHAT) • OA IMAGE SOLUTION SDN BHD 07-4332668 (KUDAT) • UNIQUE COPIER SOLUTIONS SDN BHD 07-5203888 (ULU TIRAM) • YES SUPPORT SERVICES SDN BHD 07-8636188 • PAHANG (KUANTAN) • DATAINFO COMPUTER SDN BHD 09-5177777 • LIM COPY CENTRE SDN BHD 09-5161885 • LASERGAIN SDN BHD 09-5156982 • SUN TEONG HIN ELECTRICAL GOODS SDN BHD 09-5132023 (RAUB) • MEGA COPIER SALES & SERVICE 09-3552615 (SEMAMBU) • MICRO COMPUTER SALES & SERVICES 09-5676899 TERENGGANU (KUALA TERENGGANU) • BEST OFFICE EQUIPMENT 09-6231008 • FSM SOLUTION SDN BHD 09-6224253 • KELANTAN (KOTA BHARU) • DIGITAL OFFICE AUTOMATION & SUPPLIES 09-7444488 • SABAH (KOTA KINABALU) • DUNCO SDN BHD 088-420887 • EXCEL OFFICE SUPPLIES & SERVICES 088-267272 • KIVA ENTERPRISE 088-384488 • MICRON TM SDN BHD 088-255735 • PRIME ENTERPRISE 088-232321 • REPROGRAPHIC BUSINESS MACHINES (SABAH) 088-230618 • WE & CO 088-429188 (LAHAD DATU) • HOCK LENG OFFICE SUPPLIES SDN BHD 089-884680 (SANDAKAN) • PUSAT OA 089-273424 (PENAMPANG) • PERFECT OFFICE SYSTEM SDN BHD 088-725771 (TAWAU) • ELITECO MARKETING SDN BHD 089-761297 • F.T. LABUAN • MIKE TRADING 087-411761 • SARAWAK (KUCHING) • MOE MARKETING COMPANY 082-242376 (MIRI) • CHUA TYPEWRITER SERVICE 085-650507 • MIRI BUSINESS SOLUTIONS SDN BHD 085-413826 • STARPRESS & TRADING CO 085-411221 (SIBU) • CANDYNTech MARKETING & SERVICES CO. 084-317350 • KUDATECH COMPUTER SDN BHD 084-325362 (BINTULU) • GORDON ENTERPRISE 086-331787 • KIVI OFFICE EQUIPMENT SALES & SERVICES SDN BHD 086-333811

Untuk kualiti cetakan yang terbaik, gunakan kertas Canon.

**** Harga istimewa**
untuk kertas Canon dengan mana-mana pembelian Canon imageRUNNER.

Penebusan Online - 3 langkah mudah untuk menebus kad petrol anda:

- 1) Imbas bukti pembelian/invoice dalam format JPEG/PDF
- 2) Log masuk kepada www.canon.my/bisredemption dan isikan maklumat yang diperlukan.
- 3) Muat naik fail yang diimbas dan klik "Submit".

Layari www.canon.com.my untuk maklumat lanjut.

Business *can* be simple

IDRUS Yahya meredah banjir yang berlaku di Kampung Baru.